


INISIATIF

FAST TRACK – INDUSTRIAL GREEN LANE (IGL)



MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH (MPSPK)



INISIATIF PENAMBAHBAIKAN OSC 3.0 PLUS

INISIATIF FAST TRACK – INDUSTRIAL GREEN LANE (IGL)


FT8 MERUPAKAN SATU PLATFORM PERMOHONAN YANG BOLEH DIKEMUKAKAN DI BAWAH KAEDAH FAST TRACK DI MPSPK BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES KELULUSAN SELARAS DENGAN KEPERLUAN SEMASA TERTAKLUK KEPADA PEMATUHAN SYARAT YANG DITETAPKAN.

SECARA UMUM, FT8, MPSPK MERUJUK KEPADA SESUATU URUSAN YANG:

- DIPROSES LEBIH CEPAT DARIPADA PROSEDUR BIASA
- DIBERI KEUTAMAAN
- MELIBATKAN TEMPOH MASA YANG LEBIH SINGKAT


FT8 BAGI INDUSTRIAL GREEN LANE(IGL) IALAH MEKANISME KHAS YANG DIWUJUDKAN BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN *PROJEK PERINDUSTRIAN*, TANPA MENJEJASKAN PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN DAN SYARAT TEKNIKAL YANG BERKUAT KUASA DI PBT.

PEMBANGUNAN IGL INI MELIBATKAN PELABURAN YANG SIGNIFIKAN SERTA BERUPAYA MENARIK PELABUR STRATEGIK, BAGI MEMASTIKAN KEPUTUSAN PELABURAN DAPAT DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH YANG LEBIH CEKAP DAN BERDAYA SAING.



KRITERIA PERMOHONAN

- Cadangan pembangunan hanya dibenarkan di kawasan industri terancang yang telah diluluskan Pelan Kebenaran Merancang (KM) susun atur (Master Plan)/pecahan lot.
- Urusan tanah telah diselesaikan sepenuhnya termasuk pembayaran premium Notis 5A (KTN).
- Tapak pembangunan adalah sedia ada dan sesuai untuk pendirian bangunan.
- Penyambungan bekalan utiliti luaran seperti elektrik, air, komunikasi, pembentungan, gas dan lain-lain adalah tersedia.
- Permohonan telah memperoleh kelulusan laporan EIA, TIA dan RSA.
- Cadangan pembangunan adalah untuk kegunaan pemilik dan tidak bertujuan untuk disewakan kepada pihak lain.
- FT8 merupakan satu platform permohonan yang boleh dikemukakan di bawah kaedah Fast Track di MPSPK bagi mempercepatkan proses kelulusan selaras dengan keperluan semasa tertakluk kepada pematuhan syarat yang ditetapkan.
- Secara umum, FT8, MPSPK merujuk kepada sesuatu urusan yang:
 - Diproses lebih cepat daripada prosedur biasa
 - Diberi keutamaan
 - Melibatkan tempoh masa yang lebih singkat
- FT8 bagi Industrial Green Lane (IGL) ialah mekanisme khas yang diwujudkan bagi mempercepatkan proses pertimbangan dan kelulusan *projek perindustrian*, tanpa menjejaskan pematuhan kepada perundangan dan syarat teknikal yang berkuat kuasa di PBT.
- Pembangunan IGL ini melibatkan pelaburan yang signifikan serta berupaya menarik pelabur strategik, bagi memastikan keputusan pelaburan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang lebih cekap dan berdaya saing.



m p o s p k

Permohonan serentak diterima melalui Sistem OSC 3.0 Plus Online sedia ada selepas proses sesi Teknikal Brif Projek (TBP) di peringkat MPSPK selesai



**Pelan Kebenaran
Merancang
(KM)**

**Pelan Jalan dan Parit
(JP)**

**Pelan Kerja Tanah
(KT)**

**Pelan Bangunan
(PB)**



INISIATIF IGL @ MPSPK



1 Memendekkan tempoh kelulusan daripada 99 hari kepada 29 hari

2 Kebenaran khas awal bagi kerja pendirian bangunan diberikan selepas kelulusan Kebenaran Merancang (KM) diperolehi.

3 Kebenaran khas awal ini merangkumi perkara berikut:

- a. Pembersihan tapak;
- b. Pemasangan hoarding (papan dinding);
- c. Penyediaan rumah pekerja;
- d. Pemasangan papan tanda projek;
- e. Kerja cerucuk;
- f. Pembinaan asas tapak;
- g. Binaan bangunan; dan
- h. Lain-lain kebenaran berkaitan daripada PBT.



4 Lesen perniagaan diberikan setelah pembinaan di tapak mencapai kemajuan 80%.

5 Kelulusan lesen perniagaan dikeluarkan dalam tempoh 24 jam selepas Certificate of Completion and Compliance (CCC) dikeluarkan.



Peranan Pemilik Projek / Pemaju / PSP / SP:

1. **Pemilik projek/pemaju, PSP/SP perlu menyediakan dokumen lengkap mengikut senarai semak untuk dikemukakan kepada mpspk.**
2. **Urusan/perihal tanah perlu diselesaikan sebelum permohonan dikemukakan.**
3. **Pemilik/pemaju perlu memastikan PSP/SP yang dilantik kompeten untuk permohonan.**
4. **Pengumpulan maklumat teknikal mesti dilaksanakan sebelum permohonan dihantar melalui insentif ini.**
5. **Permohonan mesti mendapat persetujuan bersama YDP dan dikemukakan kepada Unit Khas di mAjlis (hardcopy & softcopy) mengikut senarai semak TBP.**
6. **Pemilik/pemaju, PSP/SP perlu hadir ke sesi TBP.**
7. **PSP/SP mesti mematuhi ulasan teknikal awal dari TBP sebelum mengemukakan permohonan rasmi melalui Sistem OSC 3.0 Plus Online.**
8. **PSP/SP mengemukakan permohonan rasmi melalui OSC 3.0 Plus Online mengikut senarai semak Manual OSC 3.0 Plus, termasuk permohonan kebenaran khas awal untuk kerja pendirian bangunan.**
9. **PSP/SP mengemukakan laporan status projek secara berkala kepada PBT; sesi penyelarasan teknikal berterusan bersama Mpspk diperlukan.**
10. **Permohonan lesen perniagaan dikemukakan kepada mpspk selepas pembinaan mencapai 80% kemajuan di tapak.**
11. **PSP/SP perlu mendapatkan perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memasukkan komponen mesin dan peralatan industri.**



PROSES PERTIMBANGAN PELAN-PELAN PEMAJUAN:




Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (MPSPK)

- Menerima bayaran fi penuh serta dokumen permohonan (hardcopy) seperti yang ditetapkan dalam Surat Pemakluman Pra Syarat.
- Membentangkan permohonan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC terdekat dan mengedarkan keputusan terperinci kepada pemohon dalam tempoh 5 hari selepas mesyuarat.
- Menyerahkan dokumen/pelan yang telah diberi cop lulus atau tolak kepada pemohon dalam tempoh 7 hari selepas bayaran caj pemaajuan dijelaskan.



Peranan PSP / SP

- Membuat bayaran fi penuh melalui Sistem OSC 3.0 Plus Online dan mengemukakan dokumen permohonan (hardcopy) mengikut Surat Pemakluman Pra Syarat.
- Menerima keputusan terperinci Mesyuarat Jawatankuasa OSC dalam tempoh 5 hari dari tarikh mesyuarat.
- Menjelaskan bayaran caj pemaajuan yang telah ditetapkan.
- Menerima surat kelulusan rasmi atau surat penolakan rasmi daripada jabatan memperakui.



**UNTUK MAKLUMAT LANJUT BOLEH BERHUBUNG DENGAN
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN BAHAGIAN PUSAT
SETEMPAT (OSC) MPSPK**

